

CNS1671

U PB 16-05 00211 BH739

aab

Mahathir - UMNO

UMNO TUKAR STATUS JADI JAWATANKUASA PENAJA MULAI 1 JULAI

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Jawatankuasa cawangan dan bahagian UMNO di seluruh negara akan bertukar taraf menjadi jawatankuasa penaja mulai 1 Julai ini untuk disesuaikan dengan perubahan penambahan 12 bahagian Parlimen baru dan perubahan sempadan kawasan-kawasan pilihan raya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Majlis Tertinggi (MT) UMNO dalam mesyuaratnya hari ini memutuskan bahawa perubahan status perlu dilakukan kerana penambahan bahagian baru Parlimen dan pindaan sempadan kawasan telah merubah struktur parti di peringkat bawah.

"Jawatankuasa penaja ini akan terus berkhidmat sehinggalah kita mengadakan pilhan raya pada Disember 1995... sehingga itulah, mungkin lebih awal, jadi kita tidak akan mengadakan pemilihan di bahagian-bahagian baru ini (semua bahagian)," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini petang ini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO berkata, di peringkat cawangan termasuk pergerakan Pemuda dan Wanita, jawatankuasa dipilih yang sedia ada akan ditukar taraf menjadi jawatankuasa penaja.

Bagaimanapun bagi jawatankuasa penaja bahagian, pengerusi perhubungan UMNO negeri akan membuat cadangan-cadangan kepada jawatankuasa pengurusan parti yang akan membincangkan cadangan-cadangan itu dengan Presiden parti sebelum ia dikemukakan kepada MT untuk diputuskan. -- Lagi

♥16/05/18-45MST

U PB 16-05 00134 BH740

aab

Mahathir - UMNO 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata mesyuarat MT turut memutuskan untuk mengadakan perhimpunan agung tahunannya pada bulan November tahun ini tetapi belum menetapkan tarikhnya.

Perhimpunan agung itu berkemungkinan diadakan dari 17 hingga 20 Nov, tambah beliau.

Dr Mahathir berkata semua bahagian termasuk bahagian baru berhak mengadakan pemilihan untuk menghantar wakil ke perhimpunan agung itu.

Katanya, yuran tahunan bagi tahun 1993 boleh dibayar sehingga 31 Mei 1994.

Sementara itu, Setiausaha Agung UMNO-Datuk Mohamed Rahmat berkata mulai 1 Julai ini, kira-kira 35,000 buah cawangan termasuk pergerakan Pemuda dan Wanita di seluruh negara akan bertukar status menjadi jawatankuasa penaja.

Ia melibatkan kira-kira 15,000 buah cawangan UMNO, dan masing-masing 10,000 buah cawangan pergerakan Pemuda dan Wanita. -- Lagi

AFY JM SIA

♥16/05/18-52MST

U PB 16-05 00152 BH741 .

aab

Mahathir - UMNO 3 Kuala Lumpur

Katanya, MT hari ini memutuskan untuk mematuhi peraturan fasal 13 perlembagaan parti yang mengkehendaki jawatankuasa penaja bahagian mestilah merupakan sebuah jawatankuasa lengkap.

"Ketua perhubungan mesti membuat cadangan itu pada atau sebelum 15 Jun untuk disampaikan kepada jawatankuasa pengurusan yang akan menghalusi cadangan yang dibuat itu untuk dikemukakan kepada Presiden parti bagi mendapat restu sebelum dikemukakan kepada MT untuk keputusan," katanya.

Mengenai jawatankuasa penaja pergerakan Pemuda dan Wanita bahagian beliau berkata, badan perhubungan negeri kedua-dua pergerakan itu akan membuat cadangan-cadangan kepada ketua pergerakan masing-masing sebelum melalui proses yang sama dengan jawatankuasa penaja UMNO di peringkat bahagian.

"Kita tidak tahu berapa lama penajaan UMNO ini, parti akan memutuskan nanti bila untuk adakan pemilihan baru di peringkat cawangan dan bahagian," katanya.

MT akan mengumumkan kemudian senarai jawatankuasa penaja semua bahagian UMNO yang diputuskan. -- Lagi

AFY JM

♥16/05/19-10MST

CNS1712

U PB 16-05 00100 BH742

aab

Mahathir - UMNO 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Proses penyesuaian semula cawangan dan bahagian baru UMNO akan turut menentukan hak mengenai aset-aset di peringkat cawangan dan bahagian, katanya.

Ditanya kenapa proses itu bermula pada bulan Julai beliau berkata, ia dibuat kerana UMNO menjangkakan bahawa persempadanan baru kawasan pilihan raya akan diisytiharkan secara rasmi pada Julai ini dan ia patut menyiapkan dirinya selaras dengan perubahan itu.

Mohamed, yang juga Setiausaha Agung BN berkata, semua parti komponen hendaklah juga menyesuaikan kedudukan struktur parti masing-masing selaras dengan perubahan itu. -- Bernama

AFY JM SIA

♥16/05/19-14MST